

TERMA & SYARAT KHUSUS BAGI AKAUN MATA WANG ASING
(Tarikh Kuat Kuasa: JUL 2025)
[Eligible for protection by PIDM]



Terma-terma dan Syarat-syarat Khusus berikut mesti dipatuhi bagi pembukaan akaun mata wang asing (FCA) yang dikekalkan dengan AmBank (M) Berhad. Terma-terma dan Syarat-syarat Khusus ini harus dibaca bersama Terma dan Syarat Umum bagi Akaun dan Perkhidmatan (jika ada) yang boleh diperolehi di www.ambank.com.my

1.0 Definisi Semasa

'Pemegang Akaun' bererti orang/entiti yang telah membuka akaun FCA dengan Bank.

'Bank' bermaksud AmBank (M) Berhad.

'Hari Bekerja' bererti pada hari (selain daripada Sabtu, Ahad atau cuti umum) yang mana Bank tersebut, di mana akaun itu dikekalkan, dibuka untuk urus niaga biasa perniagaan perbankan di Kuala Lumpur, Malaysia.

'Akaun Dorman' bererti akaun yang tidak mempunyai sebarang urus niaga melebihi satu tahun.

'Undang-undang Pentadbiran Pertukaran Asing' bererti notis-notis dan arahan yang dikeluarkan mengikut Seksyen 214 Akta of Financial Services Act 2013 [Act 758] and Section 225 of Islamic Financial Services Act 2013 [Act 759] and its amendment thereto

'FCA' means any foreign currency account including Foreign Currency Current Account and Foreign Currency Fixed Deposit Account maintained by the Accountholder with the Bank.

'Foreign Currency Current Account' means a current account which allows customer to make transactions in selected foreign currency by the Bank.

'Foreign Currency Fixed Deposit Account' means a fixed deposit account which allows customer to make a term placement in selected foreign currency by the Bank.

'Akaun Ringgit Malaysia' bererti akaun semasa/simpanan yang dibuka dan digunakan oleh Pemegang Akaun untuk tujuan pengkreditan pendapatan dari jualan/pendebitan untuk pembelian mata wang asing dan pendebitan yuran-yuran dan caj-caj berkenaan dengan FCA.

2.0 Yuran-yuran dan Caj-caj

2.1 Bank berhak mengenakan yuran-yuran/caj-caj/komisen untuk sebarang perkhidmatan yang diberikan berkenaan FCA. Segala yuran-yuran/caj-caj/komisen akan didebitkan dari FCA atau Akaun Ringgit Malaysia.

2.2 Apabila yuran-yuran/caj-caj/komisen didebitkan dari Akaun Ringgit Malaysia, mata wang asing yang relevan akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia mengikut kadar kaunter terkini pada tarikh urus niaga.

3.0 Akaun Dorman

3.1 Bank akan mengklasifikasikan FCA (selain daripada Akaun Deposit Bertempoh Mata Wang Asing) tanpa urus niaga lebih dari satu tahun sebagai Akaun Dorman.

3.2 Untuk mengaktifkan semula Akaun Dorman, urus niaga-urus niaga mesti dilakukan oleh Pemegang Akaun itu dengan sendirinya di mana-mana cawangan-cawangan Bank dan tertakluk kepada pengesahan oleh pemegang akaun.

3.3 Penyata akaun tidak akan dihantar oleh pihak Bank kepada Pemegang Akaun apabila FCA tersebut telah diklasifikasikan sebagai Akaun Dorman.

3.4 Pihak Bank akan menutup Akaun Dorman yang tidak mempunyai baki.

3.5 Sebarang Baki Sedia Ada dalam Akaun Dorman yang tidak dituntut selepas tempoh 7 tahun akan dihantar oleh pihak Bank kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Pemegang Akaun selepas itu mesti berurus secara langsung dengan Pendaftar Wang Tak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara Malaysia berhubung dengan Baki Sedia Ada dalam FCA beliau.

3.6 Segala yuran-yuran dan caj-caj yang dikenakan oleh Pihak Bank untuk pengurusan dan pentadbiran Akaun Dorman tersebut akan dicajkan kepada Akaun Dorman tersebut sehingga Baki Sedia Ada dihantar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara Malaysia oleh pihak Bank.

4.0 Pematuhan dengan Notis-Notis Pentadbiran Pertukaran Asing

4.1 Pelanjutan pengendalian FCA tersebut tertakluk selalunya kepada undang-undang, peraturan-peraturan dan had-had yang ditetapkan oleh Jabatan Dasar Pertukaran Asing, Bank Negara Malaysia, di mana ianya boleh mengubah had-had berkenaan dari masa kesemasa.

4.2 Pemegang Akaun mesti memastikan semua pemindahan pembayaran dari atau ke dalam FCA mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan dan had-had terkini yang ditetapkan oleh Jabatan Dasar Pertukaran Asing, Bank Negara Malaysia, yang mungkin mempunyai perubahan ke atas had-had yang berkenaan dari masa ke semasa.

4.3 Jika pelaburan-pelaburan Pemegang Akaun dalam FCA tertakluk kepada sebarang syarat-syarat/had-had yang ditetapkan oleh Jabatan Pentadbiran Pertukaran Asing, maka Pemegang Akaun mesti mematuhi had-had yang ditetapkan oleh Jabatan Dasar Pertukaran Asing, Bank Negara Malaysia.

4.4 Pihak Bank berhak untuk melihat, meminta dan mengesahkan sebarang dokumen daripada pemegang akaun untuk memastikan ketepatan maklumat yang diberikan oleh pemegang akaun kepada pihak Bank.

4.5 Pemegang Akaun perlu menanggung rugi pihak Bank untuk sebarang tindakan yang diambil oleh pihak Bank supaya mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan dan had-had yang ditetapkan oleh Jabatan Dasar Pertukaran Asing, Bank Negara Malaysia, kecuali dan melainkan ianya berkaitan dengan kecuaiian melampau, kemungkiran sengaja dan penipuan (fraud) oleh Bank.

TERMA & SYARAT KHUSUS BAGI AKAUN MATA WANG ASING
(Tarikh Kuat Kuasa: JUL 2025)
[Eligible for protection by PIDM]



5.0 Masa Transaksi

Masa potongan bagi setiap transaksi FCA adalah pada jam 1.00 petang pada setiap Hari Perniagaan. Sebarang arahan resit dan / atau pembayaran yang diterima oleh Bank selepas masa yang dinyatakan di atas akan dikenakan nilai pada Hari Perniagaan berikutnya untuk mata wang yang terlibat dalam transaksi.

6.0 Withdrawals from FCA

Semua pengeluaran atau pembayaran kepada FCA mesti dilakukan melalui Draf, Pemindahan Wang Secara Elektronik, Wang Pos atau dikreditkan ke dalam Akaun Ringgit Malaysia. Pengeluaran dan kemasukan wang tunai adalah tidak dibenarkan. Penukaran deposit dan pengeluaran dari Ringgit Malaysia kepada mata wang asing yang berkaitan atau sebaliknya akan dilakukan pada kadar pengiraan semasa pada tarikh urus niaga atau apa-apa kadar yang dipersetujui oleh semua pihak.

7.0 Penyata Akaun

7.1 Penyata FCA akan dikeluarkan kepada Pelanggan pada setiap bulan atau pada tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

7.2 Kaedah pemberitahuan adalah seperti berikut:

i. Untuk Pelanggan FCA, penyata akaun akan dihantar melalui AmOnline atau e-mel.

ii. Kenyataan bercetak akaun semasa akan disediakan atas permintaan ad-hoc Pelanggan.

7.3 Pelanggan dikehendaki untuk memeriksa semua butiran dalam penyata akaun dan melaporkan kepada Bank tentang sebarang kesilapan, percanggahan, tuntutan atau debit yang tidak dibenarkan atau perkara-perkara sama ada dibuat, diproses atau dibayar akibat pemalsuan, penipuan, kekurangan kuasa, kecuaiian atau sebaliknya oleh mana-mana pihak sekalipun. Jika tiada apa-apa bantahan terhadap penyata akaun dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh penyata akaun, penyata akaun akan dianggap sebagai benar dan tepat.

8.0 Further Terms

8.1 Untuk Akaun Semasa Mata Wang Asing: Tiada buku cek akan dikeluarkan. Semua pengeluaran hendaklah dibuat melalui arahan bertulis oleh Pemegang Akaun kepada pihak Bank. Pemegang Akaun dimaklumkan bahawa pihak Bank boleh mengenakan caj perkhidmatan ke atas Akaun Semasa Mata Wang Asing.

8.2 Untuk Akaun Simpanan Tetap Mata Wang Asing: Terma yang terpakai untuk deposit tetap yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Am untuk Akaun dan Perkhidmatan, termasuk pembayaran faedah ke atas deposit, caj penalti untuk pengeluaran deposit lebih awal dan tidak membayar faedah untuk tempoh penempatan yang belum matang, hendaklah terpakai untuk Akaun Simpanan Tetap Mata Wang Asing.

8.3 Terma dan syarat lain yang terpakai untuk FCA ini adalah seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Am untuk Akaun dan Perkhidmatan, yang boleh didapati di laman web Bank di www.ambank.com.my dan cawangan.

8.4 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik dalam tafsiran Terma dan Syarat Khusus ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap Terma dan Syarat Khusus ini akan ditafsirkan sebagai setara dan setiap terma dan syarat yang ditetapkan hendaklah membawa maksud yang sama.

9.0 Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM")

9.1 Akaun Semasa ini disediakan kepada Pemegang Akaun yang dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

9.2 Perlindungan yang diberikan oleh PIDM di dalam ini adalah berdasarkan kepada Garis Panduan Peruntukan Maklumat mengenai Insurans Deposit yang dikeluarkan oleh PIDM dan yang sama akan dikenakan sebarang perubahan yang ditetapkan oleh PIDM dari semasa ke semasa.